

Program penjenamaan semula Tingkatan Enam

Kementerian Pelajaran akan menjenamakan semula Tingkatan Enam dan STPM/STAM bagi menggalakkan pelajar mengikuti program persekolahan berkenaan.

Sekolah yang menawarkan Tingkatan Enam akan diberi kuasa membuat keputusan bagi memperkenalkan pelbagai inisia-

tif mengupayakan pelajar supaya lebih bersedia memasuki universiti termasuk melonggarkan syarat pemakaian pakaian seragam sekolah dan menubuhkan Majlis Pelajar Tingkatan Enam.

Selain itu, standard program pasca menengah matrikulasi akan ditingkatkan bagi memastikan kelayakan matrikulasi di-

terima institusi awam dan swasta tempatan dan luar negara menerusi tanda aras pengiktirafan antarabangsa seperti AS-Level atau Scottish Highers.

Sasaran baru enrolmen

Sementara itu, sasaran baru 60 peratus enrolmen peringkat menengah atas dalam laluan aka-

demik (sama ada sains atau sastera) dan baki 40 peratus lagi dalam laluan vokasional bakal dilaksanakan dalam PPPM.

Usaha itu sejajar dengan kepentingan sumbangan pendidikan vokasional kepada perkembangan ekonomi negara menerusi pelan transformasi vokasional bagi mengukuhkan latihan graduan berkemahiran.

Pengenalan sasaran itu bagaimanapun tidak meminggirkan Dasar 60:40 pelajar sains dan sastera yang diperkenalkan pada

1968 kerana ia masih boleh digunakan pakai dalam laluan akademik, iaitu 60 peratus murid perlu memberi tumpuan kepada aliran sains, manakala 40 peratus lagi aliran sastera.

Laluan pendidikan agama juga diperkukuhkan dengan meningkatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kelayakan pendidikan agama dengan memasarkan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sebagai tanda aras bagi pendidikan Islam lanjutan di seluruh Asia Tenggara.

